

Potensi sukan luncur udara

Bukit Jugra tarikan baharu pelancong yang meminati sukan udara tersebut

KUALA LANGAT - Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melihat sukan luncur udara di Bukit Jugra berpotensi dijadikan promosi salah sebuah pusat pelancongan negara.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata, selain Bukit Jugra di Kuala Langat, sebuah lagi kawasan di Kuala Kubu Baru antara tarikan pelancongan di Selangor yang boleh diketengahkan supaya jadi tarikan pelancong luar dalam merasai pengalaman mencuba sukan luncur udara tersebut.

Menurutnya, sudah tiba masanya sukan udara diketengahkan dengan serius sekali gus memohon mereka yang terlibat turut serta bersama kementerian memajukan kawasan berpotensi itu.

"Saya sendiri merasai pengalaman yang menakjubkan dalam mencuba sukan luncur udara semalam, ternyata saya tidak gentar dan akan cuba sekali lagi."

"Memanglah pengalaman luncur udara ni berbeza sebab faktor keadaan. Tapi, saya pasti mereka yang dah cuba faham maksud saya," katanya selepas menuruni

INFO
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pemah beri peruntukan RM1.6 juta untuk keperluan bina prasarana di Bukit Jugra

puncak Bukit Jugra ke Dataran Kaki Bukit Jugra dibantu seorang juru paraglider sempena Program Terjun Tendem Paragliding bersama Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Mas Ermieyati berkata, potensi pusat pelancongan yang memberi pengalaman menakjubkan itu dianggap tidak salah diberi fokus dalam membantu menarik pengunjung luar.

Katanya, usaha ini sebagai tarikan apabila ia dapat beri peluang kepada pelancong luar yang tidak berkesempatan mencuba di tempat mereka.

"Sebab tu kita minta mereka bersama-sama kita sekali dengan agensi pelancongan untuk membincangkan promosi yang boleh dilakukan sempena Tahun Melawat

Malaysia 2020 nanti.

"Sebelum ini kementerian pemah beri peruntukan RM1.6 juta untuk keperluan membina prasarana di kawasan itu. Cuma selepas ini jika ada keperluan lain boleh dimajukan kepada kementerian," katanya.

Mengulas mengenai kemudahan tandas yang perlu dibaik pulih, beliau turut mencadangkan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menengahkan permohonan berkenaan kepada kementerian dalam usaha memberi kemudahan selesa kepada pengunjung.

Katanya, beliau difahamkan kemudahan tandas disediakan di kaki Bukit Jugra hanya boleh digunakan sehingga jam 2 petang dan terdapat sebuah tandas di bina di kaki bukit terbiar cuma perlu diberi perhatian.

Dalam pada itu, Mas Ermieyati ketika ditemui berkata, pengalaman berdurasi dua ke tiga minit menuruni Bukit Jugra tersebut dianggap sebagai pengalaman tidak boleh dilupakan walaupun berdepan faktor keadaan angin yang mengganggu untuk tidak berada lebih lama di ruang udara.



Mas Ermieyati menunjukkan isyarat bagus selepas berjaya mencuba sukan luncur udara di Bukit Jugra semalam.



cosmopoint
COLLEGE

PENGAMBILAN TERAKHIR 2017!

TERBUKA BAGI LEPASAN SPM 3 KREDIT KE ATAS

Pendaftaran secara online di:

<http://cosmopointcollege.pagedemo.co>

[/mycosmopoint](https://www.facebook.com/mycosmopoint)

TAWARAN 2017**

- Pakej yuran pengajian terendah
- Hostel percuma
- Pembiayaan sehingga 100%

KELEBIHAN KAMI

- Yuran mesra rakyat
- Institusi milik agensi Kerajaan
- Lebih 25 tahun pengalaman
- Program diperakui MQA

REALISASIKAN IMPIAN ANDA DALAM BIDANG:

Senireka Grafik Berkomputer | Aplikasi Multimedia | E-Kesetiausahaan
Teknologi Maklumat | Perakaunan | Pengurusan Pelancongan
Pengurusan Perniagaan | Pengurusan Hotel* | Seni Kulineri* | Seni Pastru*

**Hanya terdapat di kampus Kota Kinabalu sahaja

HUBUNGI KAMI DI 11 BUAH NEGERI SELURUH MALAYSIA

SABAH	014-3528487 016-8445143	JOHOR	016-7530352 010-2541938	N.SEMBILAN	019-6524220 018-3974552
KEDAH	012-5697551 04-4256061	KELANTAN	017-2541110 013-9861510	P. PINANG	012-5697551 012-4997679
PERAK	016-5009117 05-2492626	SARAWAK	013-6605539 011-31595058	TERENGGANU	016-9402559 019-9579334
MELAKA	016-6449985 017-3460153	PAHANG	013-9916878 016-5078871		

Angin perubahan di Kuala Langat, Sepang

ANGIN perubahan dijangka melanda dua kawasan daerah yang terletak di timur negeri ini iaitu Parlimen Kuala Langat dan Sepang.

Berdasarkan hasil kaji selidik akhbar ini, 62 peratus daripada 550 responden yang ditemui bual menginginkan perubahan tempuk pentadbiran negeri, manakala 38 peratus responden lagi setia bersama kerajaan Pakatan Harapan.

Pada PRU13, menyaksikan Pakatan Rakyat menyapu bersih kerusi Parlimen Kuala Langat dan tiga kerusi Dun iaitu Sijangkang, Telok Datok dan Morib.

Namun mengikut kaji selidik terbaru itu, terdapat pola perubahan dalam sokongan terhadap wakil-wakil rakyat Harapan apabila lebih separuh daripada

responden di kawasan parlimen dan Dun di Kuala Langat seperti tidak lagi mahu bersama kepimpinan kerajaan negeri.

Daripada maklum balas yang diberikan responden di Parlimen Kuala Langat dan Dun, usaha berterusan Umno bahagian itu turun padang mendekati masyarakat jadi salah satu faktor mengapa mereka kembali meyakini BN untuk menerajui pentadbiran di kawasan berkenaan.

Malah faktor perpecahan tahaluf siyasi antara Pas dan Pakatan Harapan juga menjadi penyebab pembahagian sokongan pengundi kepada parti-parti berkenaan.

Begitu senario di kawasan Parlimen Sepang, apabila kaji selidik mendapati ada perubahan sikap pengundi di kawasan berkenaan yang mahu beralih angin.



SUBANG JAYA
 Wartawan Sinar Harian, Nur Farhana Abdul Manan mengadakan borang kaji selidik kepada pengunjung sebuah restoran masak di Taman Tasik Prima di sini, bagi mendapatkan pandangan mengenai situasi politik di Selangor.

Pengundi dakwa Rafizi abaikan kawasan

KUALA LUMPUR - Kurang beri tumpuan terhadap isu dalam kawasan menjadi antara faktor utama kedudukan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli disifatkan tergut untuk kekal di parlimen itu.

Hasil maklum balas responden menerusi kaji selidik *Sinar Harian* menunjukkan kedudukan pemimpin Pakatan Harapan itu goyang diakui penduduk ada relevannya.

Salah seorang penduduk, Mohd Faizal Samsudin, 33, menyifatkan Rafizi lebih mementingkan isu-isu nasional berbanding dalam kawasan.

Menurutnya, masalah komuniti tidak diberi tumpuan menyebabkan berlaku pengabaian terhadap isu-isu yang memertukan perhatian.

"Peranan Rafizi tidak nampak. Sebagai ahli parlimen, seolah-olah tidak beri kesan kepada rakyat."

"Mungkin sebab itu ada yang mempertikaikan kepemimpinan dalam kawasan," katanya.



MOHD FAIZAL

Bagi Mohd Fauzi Mohd Hanif, 37, dia melihat bukan sahaja kedudukan Rafizi tergugat bahkan siapa pun calon dari Pakatan Harapan sukar untuk menang.

"Saya berpandangan Rafizi tidak mungkin terus bertanding di Parlimen Pandan kes mahkamah yg dihadapinya."

"Selain itu, tanpa sokongan dari jentera Pas di Selangor, PKR tidak akan berupaya menjalankan kempen yang lebih berkesan," katanya.

REAKSI



Rakyat dah beri Rafizi peluang selama satu penggal, tapi tiada perubahan. Jadi kena beri peluang kepada pemimpin lain."
 - Penjawat awam, Masinda Saad, 32



Pada saya tidak wujud isu Pakatan Harapan goyang. Kerjasama antara parti lain masih kukuh."
 - Warga Bukit Antarabangsa, Khairulnoor Khairuddin, 40

Rakyat yakin dengan Umno

KUALA LANGAT - "Fikir dan bandingkan perjuangan orang dahulu dan sekarang, kemudian bezakan apa yang kita dapat, apa yang mereka (pemimpin) perjuangkan terutama apabila melibatkan orang Melayu."

Demikian antara kata-kata kebanyakan penduduk ketika ditemui *Sinar Harian* mengenai angin perubahan di Kuala Langat di mana BN mula menangi hati rakyat.

Mohd Khajazi Saif, 55, berkata, pendedahan demi pendedahan dilakukan terhadap tindakan sebenar kerajaan Pakatan Harapan membuka mata masyarakat negeri ini berhubung haluan.

Menurutnya, keadaan itu memaksa rakyat berfikir secara rasional lebih-lebih



Melayu sering berdepan isu ekonomi namun tidak sesekali menggadaikan maruah sehingga mengabdikan generasi akan datang.

lagi melibatkan kepentingan orang Melayu.

"Paling dekat senario di Pulau Pinang, apabila keadaan pemimpin di sana ti-

dak memperjuangkan orang Melayu, jadi jika berlaku kat tempat sendiri sudah pasti kita (penduduk) terlibat dengan perkara yang sama, tak ada keistimewaan.

"Kita tak nak anak-anak kita nanti hidup merempat di negara sini, tak cukup makan, minum, malah tempat tinggal. Jika kita sendiri tak nak perjuangkan nasib Melayu siapa lagi," katanya yang yakin BN bakal merampas semula kawasan Kuala Langat.

Akui Khajazi, hari ini cerita-cerita politik adalah modal untuk mendapat sokongan, namun rakyat sudah celik dan bukannya mempercayai sesuatu berita 100 peratus.

Katanya, orang Melayu selalu berhadapan isu ekonomi, tetapi tidak sesekali menggadaikan maruah sehingga tidak memikirkan generasi akan datang.

"Saya sendiri akan beri nasihat kepada anak-anak atau siapa sahaja tentang generasi akan datang. Jika hari ini kita membangkang dan ikut telunjuk orang tanpa selidik, pasti kita tak dapat apa-apa," katanya.

Dia yang membuka sebuah kedai runcit mengukil harga barang semakin mahal, namun rakyat perlu cerdik memikirkan kesan ekonomi sekiranya tidak memperjuangkan orang Melayu.

Baginya, BN mampu memenangi hati rakyat terutama di Kuala Langat cumanya perlu ada kesefahaman antara Melayu sendiri.

BN masih relevan: Orang lama

TINJAUAN *Sinar Harian* turut mendekati beberapa orang lama bagi mendapatkan maklum balas sama ada BN mampu memenangi hati rakyat atau tidak.

Kebanyakan mereka memberitahu, pemimpin terdahulu atau sekarang sebenarnya tiada bezanya cumanya rakyat perlu menilai sendiri dan tidak bersifat melampau dalam memberi pendapat.

Seorang warga emas, Ismail Ahmad, 70, berkata, dia sedar perjuangan orang lama lebih memfokuskan bangsa, namun hari ini lebih kepada terikut-ikut.

Ismail yang menjual pisang goreng di Simpang Tiga Jugra, berkata, kebanyakan orang lama sedar BN boleh mentadbir cumanya perubahan pentadbiran dahulu dan hari ini, mereka tidak perlu mempertikaikan sesuatu perkara sehingga mengabdikan perjuangan lama.

"Pakcik cakap ni, bila lihat ada kemudahan seperti balai raya terbiar, kenapa tak digunakan jawapan selalu dengar, itu kerja atau kepunyaan pentadbiran terdahulu. Kenapa jadi macam tu, patutnya disambung supaya dapat dimanfaatkan semula, ini tak," katanya.

Bagi seorang ibu tunggal, Aisyah Abu Bakar, 64, walaupun berniaga makanan berlauk di Kampung Chantek sejak 15 tahun lalu, tidak mematahkan semangat untuk terus bersama BN.

Katanya, biarpun terpaksa berdepan isu kenaikan harga barang atau isu semasa, warga emas ini yakin BN sudah memenangi semula rakyat di Kuala Langat.

Aisyah berkata, dia bukanlah orang politik tetapi mengakui banyak isu yang diperkatakan sehinggalah dia bimbang akan nasib generasinya itu.



ISMAIL